

Falsafah Humanisme di Malaysia dan Cita-Cita Sosialnya

TEO LEE KEN

Barangsiapa mengenal dirinya, maka sesungguhnya ia mengenal Tuhan-nya.

TAJUS SALATIN

Thou didst know – Thou couldst not but have known – this fundamental secret of human nature, but Thou didst reject the one infallible banner that was offered Thee to make all men bow down to Thee alone – the banner of earthly bread; and Thou hast rejected it for the sake of freedom and the bread of Heaven. Behold what Thou didst further. And all again in the name of freedom! I tell Thee that man is tormented by no greater anxiety than to find someone quickly to whom he can hand over that gift of freedom with which the ill-fated creature is born. But only one who can appease their conscience can take over their freedom.

FYODOR DOSTOYEVSKY, THE BROTHERS KARAMAZOV

1 Falsafah: Dua Aliran

Untuk tujuan perbincangan di sini, kita boleh membahagikan falsafah kepada dua cabang. Satu yang berkait rapat dengan proses mencari kebenaran saintifik (*scientific truths*). Dan satu lagi yang melihat kepada falsafah sebagai suatu cara hidup (*way of life*) atau pandangan hidup. Di sini kita akan memberi tumpuan khusus kepada aliran falsafah yang kedua ini, yakni falsafah sebagai cara hidup. Falsafah dalam erti kata ini memberi penekanan kepada: (1) persoalan dan tindakan moral; (2) kehidupan praktikal dan keadaan

konkrit (*practical life and concrete situations*); dan (3) sastera, seni dan estetika.

2 Humanisme: Falsafah sebagai Cara Hidup

Usman Awang, penyair dan sasterawan negara, antara tahun 1949-1956, menulis sebuah sajak bertajuk *Yang Lahir dan Yang Mati*:

*Merechup kembang di hujan pagi,
Lahirlah bayi setiap hari,
Membuat dosa di hari nanti,
Atau hidup penuh bakti,*

*Manusia, antara malam dan pagi,
Membentuk sejarah hidupnya sendiri,
Di garis kesopanan atau kekejaman,
Antara perhambaan dan berontakan,*

*Yang lahir dan mati,
Bentukan alam semula jadi,
Hanya manusia memberi arti,
Untuk kehidupan yang tidak abadi.*

Penulisan sajak ini merupakan satu titik yang penting dalam sejarah pembentukan dan perkembangan falsafah humanisme di Malaysia. Apa yang membuat sajak ini bererti? Bagaimana harus kita membaca kandungannya? Apa andaian yang mendorong pernyataan sajak ini? Dan akhirnya apa implikasi sajak ini secara khususnya, dan falsafah humanisme secara umumnya, kepada sejarah pemikiran dan sejarah intelektual Malaysia?

3 Dua Masalah: Kebebasan dan Otoritarianisme

Dilema atau permasalahan dua idea kebebasan dan otoritarianisme diungkapkan dengan nyata dalam babak *The Grand Inquisitor* dalam karya *The Brothers Karamazov* yang dikarang penulis Russia abad ke-19 Fyodor Dostoyevsky. Dalam kisah ini, yang disampaikan oleh watak Ivan kepada adiknya Alyosha, pertentangan dua idea kebebasan dan otoritarianisme ini ditunjukkan melalui ucapan *Grand Inquisitor* kepada Kristus. Ivan menceritakan permulaannya sedemikian:

My story is laid in Spain, in Seville, in the most terrible time of the Inquisition, when fires were lighted everyday to the glory of God, and in the splendid auto-da-fe the wicked heretics were burnt.

Yang berlaku seterusnya adalah tangkapan dan pemenjaraan Kristus oleh *Grand Inquisitor*, dan kecamannya terhadap Kristus. *Grand Inquisitor* menyalahkan Kristus kerana telah mengajar manusia erti kebebasan. Kristus pernah ditawarkan kuasa untuk menukar batu kepada roti, tetapi menolaknya. Kerana baginya manusia memerlukan kebebasan, dan bukan makanan dan keperluan asas semata-mata:

But seest Thou these stones in this perched and barren wilderness? Turn them into bread, and mankind will run after thee like a flock of sheep, grateful and obedient, though forever trembling lest Thou withdraw Thy hand and deny them they bread. But Thou wouldst not deprive man of freedom, and didst reject the offer, thinking what is that freedom worth if obedience is bought with bread? Thou didst reply that man lives not by bread alone.

Grand Inquisitor mencela Kristus, dan mengatakan bahawa dia telah silap dalam keputusannya. Kristus dikutuk kerana menolak tiga pemberian yang pernah ditawarkan kepadanya, yakni: (1) keupayaan untuk menukar batu kepada roti; (2) peluang untuk disembah manusia; dan (3) untuk mendominasi alam dan menyatukan semua manusia.

Manusia tidak berupaya menjadi bebas. Kerana dia takut dan tidak dapat menahan penderitaan yang mengiringi hidup yang bebas. Maka manusia sentiasa ingin diperintah untuk mengelak penderitaan ini. Dan selain sentiasa mengikut perintah manusia akan juga sentiasa mencari sesuatu untuk disembah. *Grand Inquisitor* mengingatkan Kristus bahawa:

Didst Thou forget that man prefers peace, and even death, to freedom of choice in the knowledge of good and evil? Nothing is more seductive for man than his freedom of conscience, but nothing is a greater cause of suffering.

Ivan menyampaikan kisah ini kepada adiknya, Alyosha, sebagai kritik kepada agama Kristian dan gereja. Tujuannya untuk menggambarkan dan menjelaskan kebebasan sebagai nilai yang paling mutlak dan universal untuk manusia. Melalui pembacaan yang teliti seolah-olah seperti Ivan menentang dan mengkritik

agama Kristian dan gereja yang menafikan kebebasan manusia. Tetapi maknanya tidak begitu langsung dan jelas. Sebaliknya kita boleh menjelaskan dan menghujahkan bahawa dalam menggunakan simbol Kristus, Ivan mengajukan suatu fahaman bahkan lebih agamawi yang mempertahankan kebebasan manusia. Berbanding dengan sikap dan pendirian *Grand Inquisitor* yang seolah-olah boleh dikatakan sebenarnya tidak mewakili posisi agama, ataupun jika ada, mewakili suatu agama yang menindas dan dogmatis.

4 Komitmen terhadap Keadaan dan Situasi Manusia

Oleh itu kita meletakkan dan memposisikan falsafah humanisme ini antara pertentangan kebebasan dan otoritarianisme. Usaha ini merangkumi dua peringkat. Walaupun dalam kisah di atas terdapatnya tema-tema dan simbol Kristian, fokus kita adalah terhadap kisah ini sebagai metafora untuk memahami keadaan atau situasi manusia. Dan di sini nilainya bukan sahaja sebagai teks atau penjelasan persoalan-persoalan dalam agama Kristian, tetapi sebagai teks sastera, pemikiran sosial dan falsafah.

Yang pertamanya di peringkat universal. Dalam penggunaan dan rujukan kita terhadap karya Dostoyevsky, nilai kebebasan dan otoritarianisme dapat diangkat sebagai nilai sejagat dan nilai kemanusiaan. Dalam erti kata nilai ini tidak khusus hanya kepada masyarakat tertentu di tempat tertentu sahaja, tetapi terpakai dan bersangkutan dengan manusia di semua tempat dan waktu. Usaha dan keinginan untuk menafikan fitrah manusia dan merendahkan martabat manusia tidak dibatasi ruang dan waktu. Otoritarianisme wujud dan berlaku di mana-mana sahaja. Ia dikatakan “wujud” kerana secara dalamannya ia lahir daripada impuls dan naluri terdalam sifat manusia. Manakala ia dikatakan “berlaku” kerana selain daripada punca dan proses dalaman, ia turut dibentuk dan dipupuk melalui proses sosial dan bermasyarakat. Makanya otoritarianisme mengandungi ciri-ciri berikut, yakni ia: (1) menentang dan mengabaikan ilmu pengetahuan dan etika; (2) menggunakan paksaan dan mendorong keganasan; dan (3) terasing dan terputus daripada sejarah dan kondisi manusia.

Manakala yang kedua adalah peringkat partikular. Di sini kita memahami dan menjelaskan fenomena dan impuls dan naluri otoritarianisme dalam konteks khusus, yakni dalam budaya dan masyarakat Malaysia. Di sini ruang dan waktu menjadi mustahak.

Konsep masa menjadi relevan dan seterusnya sejarah, terutamanya sejarah ide dan masyarakat Malaysia. Sejarah masyarakat adalah sejarah perjuangan merebut dan menegakkan nilai kebebasan dan keadilan. Mengapa kita menyatakan demikian? Kerana dalam sejarah masyarakat Malaysia, kuasa dan otoriti dalam segala bentuknya – politik, ekonomi, agama, bahasa dan pendidikan – digunakan untuk mengawal, memaksa dan menindas anggotanya.

Sebagai contohnya kapitalisme negara (*state capitalism*) yang berlangsung sejak pertengahan 1970an, dan penumpuan metode saintifik dan developmentalisme sejak pertengahan 1980an sehingga sekarang. Pengukuhan terhadap pertumbuhan ekonomi yang mengejar pengumpulan material di satu sisi, dan pembangunan dan kebergantungan kepada metode saintifik di sisi yang lain, tanpa pembangunan yang setimpal dalam pembinaan dan pemupukan paradigma kebudayaan dan kesenian telah menyebabkan pengetahuan falsafah dan citra kemanusiaan terabai.

Dan dalam pengabaian ini maka berlakunya proses dehumanisasi dan keterasingan dalam masyarakat Malaysia sampai sekarang. Keadaan ini yang membolehkan impuls, naluri dan fenomena otoritarianisme tumbuh dan menjalar menguasai setiap ruang hidup masyarakat. Dalam konteks dan perkembangan sejarah masyarakat sedemikian falsafah kemanusiaan ini timbul. Falsafah ini, terbentuk pada awalnya melalui Usman Awang dan kemudian berkembang sekitar 1960an sehingga 1980an, timbul khususnya untuk menentang ideologi otoritarianisme. Ini yang dimaksudkan dengan sejarah masyarakat sebagai sejarah perjuangan dan pertentangan nilai dan pandangan hidup.

Di sini kita mengangkat sajak *Yang Lahir dan Yang Mati* Usman Awang. Sajak ini menjelaskan dan mempertahankan nilai kebebasan dan yang lebih penting lagi menunjukkan premis atau andaian yang mendasari nilai kebebasan, yakni keupayaan untuk membuat pilihan. Kebebasan untuk membuat pilihan ini yang merupakan inti falsafah humanisme. Seseorang individu sebagai manusia dan insan dalam hidup ini menentukan masa depannya sendiri. Hanya dia sahaja yang boleh berfikir dan membuat keputusan yang akan membentuk hala tuju dirinya dan masyarakatnya.

Dalam menentukan masa depan ini dia berupaya membuat pilihan, baik untuk membuat kebaikan mahupun untuk membuat kejahatan. Terpulang kepadanya sendiri untuk memilih aliran atau garis ideologi, politik, ekonomi, budaya dan pendidikan yang diyakininya. Dan berikutan ini, dia yang bertanggungjawab untuk

setiap pilihannya. Ini adalah untuk menyatakan bahawasanya segala kesan dan peristiwa yang timbul akibat daripada pilihannya hanya dan akan ditanggung oleh dirinya sendiri. Pada akhirnya seseorang itu tidak boleh mengelak daripada tanggungjawab dan menyalahkan orang atau keadaan lain. Dia tidak boleh mengatakan bahawa dia dipaksa atau diarah untuk melakukan sesuatu.

Ini yang disampaikan melalui kata-kata Usman Awang, bahawa:

*Membuat dosa di hari nanti,
Atau hidup penuh bakti*

Dan lagi:

*Manusia, antara malam dan pagi,
Membentuk sejarah hidupnya sendiri,
Di garis kesopanan atau kekejaman,
Antara perhambaan dan berontakan*

Komitmen idea dan aksi adalah terhadap kondisi manusia. Dan perjuangan manusia dan masyarakat adalah terarah kepada lingkungan duniawi. Persoalan-persoalan seperti kemiskinan, penyalahgunaan kuasa, ketaksamarataan politik dan ekonomi, rasisme, dan ekstremisme agama mengambil tempat utama. Dan usaha untuk menegakkan atau perebutan nilai-nilai kebebasan, keadilan, kesamarataan dan kemerdekaan individu dan masyarakat harus bertempat di waktu kini dan sini. Dan bukan di dunia transenden atau akhirat. Seperti yang dinyatakannya:

*Hanya manusia memberi arti,
Untuk kehidupan yang tidak abadi.*

Sajak ini menjadi pengucapan kepada tradisi humanisme dan falsafah sebagai cara hidup. Ia merupakan pernyataan kepada ketinggian manusia dalam jalur pemikiran sosial humanisme. Sebagai pengucapan yang dibuat sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan lagi ia meramal pelbagai paradigma pemikiran yang bakal menjadi. Yang berperanan dan menyumbang kepada penghakisan kepekaan etika, falsafah dan estetika dalam masyarakat Malaysia. Paradigma-paradigma pemikiran seperti kolonialisme, kapitalisme, modeniti, metode saintifik, dan developmentalisme yang mewarnai gelap perkembangan sosio-politik masyarakat Malaysia.

5 Falsafah dan Tradisi Falsafah Humanisme di Malaysia

Sentiasa dalam perbincangan mana-mana wacana tentang falsafah di Malaysia, kita mencari teks-teks yang berfalsafah dan mendalam sebagai usaha untuk mengangkat pemikiran atau tradisi falsafah di negara ini. Namun demikian, lebih daripada teks-teks yang dianggap berfalsafah, tradisi falsafah di Malaysia boleh dikatakan bertitik tolak, dan kalau tidak bertitik tolak, sekurang-kurangnya mempunyai hubungan rapat, dengan gerakan sastera dan arus komentar sosial pada tahun-tahun 1950an sehingga 1980an.

Falsafah humanisme contohnya, pertama sekali diungkap dengan jelas, nyata, dan profetisnya oleh Usman Awang. Jalur falsafah dan pemikiran ini mempunyai satu tradisi yang tegas di Malaysia. Kerana ia berkembang bermula 1950an dan seterusnya sehingga tahun 1980an. Dan melibatkan bukan sahaja Usman Awang, tetapi tokoh-tokoh lain seperti Ahmad Boestamam, Asraf, Syed Husin Ali, Kassim Ahmad, Syed Hussein Alatas, dan Rustam Sani antaranya. Di Malaysia mereka ini yang melahirkan tradisi humanisme moden dan mempertahankan falsafah humanisme. Satu garis falsafah sebagai cara hidup yang menegaskan: (1) persoalan dan tindakan moral; (2) kehidupan praktikal dan keadaan konkrit (*practical life and concrete situations*); dan (3) sastera, seni dan estetika.

Rujukan

Dostoyevsky, Fyodor

2007 *The Brothers Karamazov*, New York: Signet Classics/New American Library.

Kaufmann, Walter

1956 *Existentialism from Dostoyevsky to Sartre*, New York: Meridian Books.

Solomon, Robert C.

2005 ((Pnyt.)), *Existentialism*, New York: Oxford University Press.

Usman Awang

1961 *Gelombang: Sajak-sajak Pilihan, 1949-1960*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.